

Tidak halang pembangunan

SHAH ALAM – Kerajaan Selangor tidak menghalang sebarang usaha pembangunan di atas tanah milik Kerajaan Negeri yang akan dijalankan Kerajaan Persekutuan untuk kegunaan awam.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, bagaimanapun Kerajaan Persekutuan perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) sebelum pembangunan tanah dilaksanakan.

“Dari aspek pemilikan tanah, Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa memberikan tanah untuk kegunaan awam kepada Kerajaan Persekutuan tetapi pembangunan yang dibuat sekarang, mesti mendapatkan kelulusan PBT.

“Kerajaan Negeri tidak mempersoalkan pemberian tanah yang diluluskan kerajaan terdahulu. Selepas 2008, sebarang pembangunan tanah tersebut perlu diselaraskan di bawah kuasa PBT seperti parit, takungan air, saluran tenaga dan jalan yang diperlukan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Ng Suee Lim (**DAP-Sekinchan**) berhubung bentuk tindakan dan kuasa Kerajaan Negeri sebagai tindakan pemantauan pembangunan tanah milik Kerajaan Negeri yang dibangunkan Kerajaan Persekutuan di Sidang Dun Selangor, semalam.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan Dr Shafie Abu Bakar (**Pas-Bangi**) berhubung bantahan rakyat terhadap pengambilan tanah dalam pelaksanaan projek MRT, Abdul Khalid berkata, soalan ini melibatkan isu sosial yang diimbangi antara kehendak sosial dan persendirian.

“Kerajaan Negeri tidak menghalang sebarang pembangunan Negeri Selangor, kita mesti be-



Shafie bertanyakan soalan tambahan berhubung pengambilan tanah dan pelaksanaan projek MRT.

kerjasama dengan mana-mana pihak demi menentukan pembangunan negeri diteruskan.

“Dari segi pembinaan infrastruktur, walaupun terdapat kesalahan, contohnya tiada perancangan awal seperti projek MRT, setelah dibuat kajian dan penelitian didapati kawasan tersebut wajar diambil alih untuk pembangunan tersebut,” katanya.

Abdul Khalid menegaskan, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan iaitu keadilan kepada rakyat yang terlibat dalam pengambilan tanah milik mereka dan pampasan setimpal.

SPRINT HIGHWAY LANE TO BE CLOSED

KUALA LUMPUR: The left lane of the Sprint Highway, from the Jalan Maarof junction heading towards Damansara, will be closed for a seven-day trial period beginning tomorrow. The closure, covering a 400m stretch, is to facilitate Mass Rapid Transit construction. The trial closure would enable the company to study vehicle movement during peak and non-peak hours and emergency response measures for better traffic management.